

# KONSEP USWATUN HASANAH DALAM MODEL KEPIMPINAN ISLAM: SUATU ULASAN

(THE CONCEPT OF USWATUN HASANAH IN ISLAMIC LEADERSHIP MODEL: A REVIEW)

Mohammad Naim Abd Halim  
Abdullah Hj Abdul Ghani  
Mahyuddin Abu Bakar

Sekolah Perniagaan Islam (IBS)  
Universiti Utara Malaysia

[mdnaim@uum.edu.my](mailto:mdnaim@uum.edu.my)

**Abstrak:** Artikel ini memfokuskan kepada konsep Uswatun Hasanah dalam kepemimpinan Islam. Uswatun Hasanah merupakan tunjang kedua kekuatan kepemimpinan Islam tetapi kurang diberikan perhatian hingga mengakibatkan kekuatan konsep kepemimpinan Islam tidak menyerlah seperti yang sepatutnya. Artikel ini bertujuan untuk meneroka asal-usul (root of knowledge) kepemimpinan Islam melalui konsep Uswatun Hasanah melalui kerangka disiplin ilmu tauhid yang mana kurang diberikan penekanan atau dibahaskan oleh kajian-kajian terdahulu. Artikel ini seterusnya membincangkan pendekatan konsep nubuwwah hasil daripada penerokaan terhadap mabadi' ilmu tauhid. Diharapkan penelitian konsep-konsep asas dalam artikel ini akan menggerakkan proses kesepaduan tauhid dan kepemimpinan berteraskan konsep Uswatun Hasanah yang dipercayai dapat melengkapkan pertumbuhan konsep kepemimpinan yang seimbang dan menyeluruh.

**Kata kunci:** uswatun hasanah, kepemimpinan Islam

**Abstract:** This article focuses on the concept of Uswatun Hasanah in Islamic leadership. Uswatun Hasanah is believed to be the second main pillar of the leadership of Islam, but less attention has been given to the origin concept of Islamic leadership. The purpose of this article is to explore the roots of knowledge of Islamic leadership through the concept of Uswatun Hasanah framework of the Tawhidic discipline which is less emphasized or debated by previous studies. The article will then discuss the approach of Islamic leadership through the concept of nubuwwah as a result of the exploration of the Tawhidic mabadi'. It is expected that the scrutiny of fundamental concepts in this study will mobilize the process of Tawhidic cohesiveness and leadership based on Uswatun Hasanah concept that is believed to complement the growth of a balanced and comprehensive leadership concept.

**Keywords:** uswatun hasanah, Islamic leadership

## PENDAHULUAN

Pembentukan kepemimpinan untuk masa hadapan (*Next Gen*) dikenalpasti menjadi antara isu dan kebimbangan utama kepemimpinan menurut satu laporan oleh Global Leadership Forecast 2018 (Forecast, 2018). Ini kerana bakat dan pemimpin yang berkesan diperlukan untuk menangani kepelbagaian cabaran semasa dan kepemimpinan adalah penentu kepada hala tuju organisasi. Di Malaysia, cabaran membangunkan pemimpin generasi akan datang "Next Gen" dan kegagalan untuk menarik atau mendapatkan bakat bersesuaian menduduki carta teratas dan dinilai sebagai cabaran utama iaitu masing-masing sebanyak 68% dan 63%. Dapatan laporan oleh Development Dimensions International (DDI's) 2018 ini didapati konsisten dengan kajian oleh The Conference Board's 2017 CEO Challenge iaitu berkaitan kesedaran pentingnya memberi tumpuan kepada pengukuhan modal manusia khususnya berkaitan kepemimpinan melalui pelbagai program pembangunan. Malangnya dapatan kajian daripada pemimpin-pemimpin Malaysia yang dikaji dalam *Global Leadership Forecast 2018* menunjukkan hanya 38% percaya kepemimpinan organisasi mereka mempunyai program pembangunan yang berkualiti tinggi atau sangat tinggi. Program pembangunan yang baik penting dalam kepemimpinan dan walaupun perubahan masa, peralihan landskap persaingan yang berterusan, kemajuan teknologi dan ekonomi global yang telah berkembang, didapati kualiti yang menentukan kepemimpinan kekal malar.

Buktinya hasil daripada kajian karekteristik yang dilakukan oleh Kouzes dan Posner (2007) daripada "*20 Characteristics of Admired Leader*", empat karekteristik paling tinggi dan menjadi pilihan telah dikenalpasti iaitu *honesty* (kejujuran), *forward looking* (memandang ke hadapan), *inspiring* (memberi inspirasi) dan *competent* (kecekapan). Menariknya empat karektor ini kekal konsisten dipilih dalam kajian selama 20 tahun yang telah mereka lakukan. Selanjutnya kajian terhadap 195 pemimpin di 15 negara melibatkan lebih daripada 30 organisasi global pula menemui daripada 15 kompetensi kepemimpinan terpenting yang disenaraikan, sifat paling tinggi dipilih iaitu "standard etika dan moral tinggi" 67% manakala 56% pula memilih mengharap jangkauan yang jelas sebagai kompetensi kepemimpinan terpenting (Giles, 2016). Ini menunjukkan berdasarkan kepada pemilihan atribut kepemimpinan dalam beberapa kajian terdahulu memberikan gambaran keputusan pemilihan didorong oleh keperluan mewujudkan persekitaran yang selamat dan boleh dipercayai.

Persoalannya kualiti kepemimpinan bagaimanakah dapat menghasilkan keyakinan sehingga wujudnya persekitaran yang selamat dan boleh dipercayai. Persoalan ini timbul kerana teori-teori atau konsep kepemimpinan yang sedia ada terlalu dikecilkan skopnya (Sergiovanni, 1992) hinggan para pemimpin kini beralih kepada pendekatan kerohanian, agama dan bentuk kepercayaan (Kouzes & Posner, 2007). Oleh itu tujuan penulisan artikel ini dibuat untuk meninjau perspektif pengurusan dalam Islam yang meletakkan keutamaan bukan sahaja kepada aspek material dan fizikal tetapi pendekatan yang dikemukakan adalah secara holistik melibatkan aspek pembangunan rohani individu dalam sesebuah organisasi (Ahmad, 2013). Tujuan penulisan artikel ini juga adalah bagi memenuhi asas utama kepemimpinan yang melangkaui fahaman *eurosentrik* iaitu tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT melalui hubungannya dengan Allah SWT (*habluminallah*) dan sesama manusia (*habluminannas*) (Omar, 2014). Melalui konsep *Uswatun Hasanah* yang akan dibincangkan dalam penulisan artikel ini dipercayai dapat memberikan makna kepemimpinan yang lebih luas manakala praktis kepemimpinan bersandarkan pendekatan agama serta kepercayaan yang benar pula bakal mewujudkan persekitaran yang selamat dan boleh dipercayai.

Skop penulisan artikel ini berpandukan rujukan terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan kepemimpinan Islam yang menunjukkan pelbagai skop dan konsep telah diteroka dan diperbahaskan namun kurang menekankan skop kepemimpinan pada tahap individu yang berkonsepkan kepemimpinan *Nubuwwah* (Kenabian). Sumbangan kajian ini dipercayai dapat memberikan justifikasi terhadap penambahbaikan konsep kepemimpinan yang mengemukakan asal usul ilmu (*root of knowledge*) berkaitan kepemimpinan dengan

menggunakan pendekatan *manhaj nubuwwah* (metod kenabian). Selanjutnya objektif perbahasan dalam artikel ini adalah berkaitan pengukuhan konsep kepimpinan Islam melalui pendekatan *Uswatun Hasanah* dan elemen-elemen kompetensi utama kepimpinan Islam.

## KEPIMPINAN DALAM ISLAM

Kepemimpinan dalam Islam didefinisikan kepada beberapa terma seperti *al-Khilafah*, *al-Imamah*, dan *al-Wali*. *Khalifah* bermaksud timbalan atau pengawas dan ada ketikanya diterjemahkan sebagai wazir (Esposito, 2003) manakala *Khilafah* bermaksud *Imarah* iaitu untuk mengambil tempat seseorang dalam kepimpinan (Ibn Manzur, 1990). Tinjauan terhadap perbahasan berkenaan kepimpinan Islam mendapati pelbagai tema disentuh oleh para pengkaji antaranya kajian berkaitan kualiti atau sifat-sifat, asas-asas kepimpinan Islam berpandukan al-Quran dan al-Hadith, Rasulullah SAW sebagai pemimpin, gaya kepimpinan hamba dan budaya. Marbun (2013) menjelaskan wujud hubungan yang signifikan antara keperluan kepimpinan dan pembentukan atribusi kepimpinan yang membawa kepada konsep dan penerapan prinsip-prinsip atribusi ditakrifkan sebagai keperluan, keinginan, motif, penyebab tingkah laku tertentu. Kepimpinan menurut perspektif Islam harus mempunyai kesedaran yang rasional sebagai wazir Allah dan kesedaran rohani iaitu sebagai hamba Allah. Pembentukan sifat pemimpin Islam yang baik dapat dilihat dalam literatur dan di antara ciri-ciri yang harus dimiliki ialah seperti baik pada niat, kesedaran terhadap Allah SWT (Taqwa), kebaikan dan penjagaan (Ihsan), keadilan, amanah dan kebenaran (*siddiq*). Di peringkat organisasi pula, rangka kerja atribusi bersama dengan keperluan kepimpinan menentukan hasil organisasi. Pembentukan atribut akan mempengaruhi tingkah laku seorang pemimpin (Marbun, 2013).

Kajian oleh al-Moharby dan Neal (2013) melibatkan penyiasatan analisis kandungan terhadap asas-asas, konsep dan prototaip kepimpinan Islam seperti yang ditekankan dalam sumber utama Islam iaitu al-Quran dan Sunnah. Kepimpinan Islam didasarkan pada sistem undang-undang yang bertujuan untuk penyatuan tujuan, pengakuan keesaan Allah SWT, dan menjadikan Rasulullah SAW panduan praktikal seorang pemimpin yang benar, rujukan tunggal dan memiliki karisma. Kehidupan baginda Rasulullah SAW adalah parameter sebenar bagi seseorang untuk menjadi pemimpin.

Selanjutnya para pengkaji mengemukakan prinsip asas kepimpinan dan pengurusan Islam boleh diperolehi melalui pendekatan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadith dan proses empirikal berasaskan soal selidik untuk mencari jawapan berkaitan kepimpinan Islam. Manakala kepimpinan hamba (*servant leadership*) pula adalah gaya kepimpinan yang paling banyak digunakan dan sumber ilmu pengetahuan yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah kekal sebagai sumber yang utama untuk membangunkan prinsip kepimpinan (Ahmad dan Ogunsola, 2011). Seterusnya tren kajian kepimpinan Islam kontemporari berubah kepada kepentingan budaya yang mempengaruhi penerapan gaya kepimpinan di bawah kepemimpinan Nabi atau Khalifah merangkumi kuasa politik dan sosio-ekonomi. Ali (2009) dalam kajian mereka menawarkan gambaran kepimpinan yang tulen dari perspektif Islam dan menyerlahkan pentingnya kebudayaan yang sebahagian besarnya telah diabaikan pada masa lalu dalam membentuk keperibadian dari aspek kontekstual dan hubungan kepimpinan. Bagi Ismail dan Sarif (2011) pula komponen paradigma tauhid tidak dapat dipisahkan daripada elemen kalimah shahadah dan daripada bahagian shahadah iaitu penyaksian nabi Muhammad SAW sebagai rasul ditemui konsep kepimpinan melalui terma khalifah dalam model kajian mereka.

Kajian-kajian yang dikemukakan di atas adalah yang terkini (Ahmed, 2014) dan bagi para pengkaji dari rantau Asia seperti Omar & Samah (2012), Zulaikhah (2005) dan Marlisa (2015), memilih rekabentuk kajian yang memfokuskan kepada nilai-nilai kepimpinan Rasulullah SAW iaitu *siddiq*, amanah, *tabligh* dan *fatanah*. Bagi Beekun (2012) pula mengemukakan konsep *Uswatun Hasanah* yang dibahaskan melalui tiga

variabel utama iaitu *transformational leadership*, *servant leadership* dan *principle values*. Kajian yang dilakukan oleh Beekun (2012) menumpukan konsep Muhammad SAW sebagai *Uswatun Hasanah* iaitu contoh terbaik dalam skop kepimpinan. Kajian yang dilakukan oleh beliau melihat kepada gaya kepimpinan Muhammad SAW dalam rangka kerja watak berpusatkan moral kepada kepimpinan yang disyorkan oleh al-Quran dan dimodelkan oleh Muhammad SAW serta mencadangkan bahawa pendekatan ini mungkin praktikal untuk digunakan oleh ketua pegawai eksekutif. Kajian tersebut turut mengemukakan secara konsep dan perbandingannya berkenaan gaya kepimpinan nabi Muhammad SAW yang berpandukan sumber utama Islam menunjukkan implikasi yang praktikal terhadap proses kepimpinan di dalam pengurusan.

Kesimpulan berdasarkan kepada kajian-kajian yang terdahulu, wujud kecenderungan para pengkaji dalam memilih konsep pengesaan Allah melalui konsep tauhid dan mengaitkan konsep tersebut dengan tema-tema kepimpinan seperti kepimpinan melalui konsep shahadah. Kebanyakan kajian-kajian juga melihat Rasulullah SAW sebagai model dalam perbahasan kepimpinan. Walaubagaimanapun kajian-kajian yang telah dilakukan kurang membahaskan proses pembentukan kepimpinan Islam yang berpaksikan kepada konsep paradigma tauhid dan metod *nubuwwah* (kenabian). Penulisan artikel ini akan mengemukakan konsep paradigma tauhid dan metod kepimpinan *nubuwwah* yang kurang diberi tumpuan oleh para pengkaji yang terdahulu.

## PARADIGMA TAUHID

Paradigma menurut The Oxford English Dictionary adalah terma yang bermaksud, "*a pattern or model, an exemplar; a typical instance of something, an example*" (Dictionary, 1989). Manakala Tauhid pula adalah kalimah '*masdar*' dari wazan *taf'il* iaitu *wahhada* (menyatukan), *yuwahhidu* (kekal satu) dan *tauhidaan* (mengesakan atau mengatakan satu) (Ibrahim, 1999). Tauhid secara bahasanya bermakna mengetahui dengan sebenarnya Allah itu Wujud, Ada dan Esa manakala dari segi istilah membawa maksud suatu ilmu yang membahaskan melalui sumber-sumber Islam terutamanya al-Quran dan Sunnah berkenaan kewujudan Allah termasuklah sifat-sifatnya, hal-hal kenabian termasuklah sifat-sifatnya dan hal-hal ghaib dinamakan *sam`iyyat* (Rahman, 2012). Menurut Rahman (2012) asas kepada kalimah tauhid dikenali sebagai *La ilaha illallah* bermaksud 'Tidak ada Tuhan selain Allah'. Kalimah ini memberi pengertian pergantungan, perlindungan dan pengharapan hanya kepada Allah. Konsep ini menjelaskan walaupun secara zahirnya manusia berusaha dan beramal namun secara hakikatnya syariat melarang perbuatan menyandarkan diri pada amal usaha semata-mata dan syariat menganjurkan meletakkan sandaran hanya kepada Allah dan semuanya di atas kurniaan Allah (Rahman, 2012).

Berdasarkan penjelasan definisi tauhid yang dikemukakan, penulisan ini merujuk kepada satu konsep ilmu berkaitan kepercayaan yang bersifat holistik dan bersumberkan wahyu (Ismail, 2006) iaitu berkaitan pengukuhan kefahaman yang logik, pembentukan paradigma yang sahih, tidak terlalu dikecilkan skop konsepnya, tidak mengelirukan dan bertujuan menguatkan keyakinan serta kepercayaan terhadap sesuatu konsep. Berkenaan dengan istilah "paradigma" pula, ianya boleh didefinisikan sebagai pola pemikiran saintifik tentang kebenaran melalui pelbagai pemerhatian dan percubaan. Paradigma tauhid adalah komponen terpenting dalam sesuatu konsep kerana ianya membentuk kepercayaan atau keyakinan yang berhubungkait dengan kalimah syahadah dalam membimbing pemikiran, pemahaman, perasaan, tindakan dan keputusan oleh seseorang individu (Ismail dan Sarif, 2011).

Konsep yang penting dalam paradigma tauhid adalah berkenaan tiga komponen penting iaitu iman, ilmu dan amal. Ini kerana tanpa ketiga-tiga komponen tersebut akan berlaku kelonggaran dalam pengukuhan konsep paradigma tauhid. Melalui pendekatan paradigma tauhid penjelasan dan usaha memahami

jangkauan pemikiran manusia yang terhad dan memperolehi jawapan yang logik dapat dilakukan seperti yang ditunjukkan dalam al-Quran:

*“Apakah kamu tidak memperhatikan orang yang mendebat Ibrahim tentang Tuhannya (Allah) karena Allah telah memberikan kepada orang itu pemerintahan (kekuasaan). Ketika Ibrahim mengatakan: "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan mematikan," orang itu berkata: "Saya dapat menghidupkan dan mematikan". Ibrahim berkata: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, maka terbitkanlah dia dari barat," lalu terdiamlah orang kafir itu; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim.*

*Al Baqarah 2: 258*

Konsep paradigma tauhid sebenarnya berakar umbi daripada al-Quran bukan hanya khayalan atau angan-angan kosong bahkan mengajak manusia supaya berfikir, mengkaji dan meneliti setiap ciptaan-Nya (Shafie, 2012) sebagaimana dinyatakan dalam Al-Qur'an melalui surah al-Imran, 3:191 yang bermaksud:

*(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah s.w.t semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka (Basmeih, 2001).*


## **NUBUWWAH DAN KEPIMPINAN**

Kepercayaan dalam Islam berpaksikan tauhid dan berasaskan kalimah shahadah, iaitu mengakui Allah sebagai satu-satunya Tuhan di alam semesta dan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah (Ismail dan Sarif, 2011) sebenarnya menjadi rahsia keunikan dan kehebatan konsep kepimpinan berasaskan tauhid. Buktinya, rekod *sirah* (sejarah) menunjukkan hubungan di antara tauhid dan kepimpinan ketika penghijrahan Nabi Muhammad SAW dan pengikutnya ke Madinah. Dalam hal ini penting bagi seseorang pemimpin itu memiliki tujuan yang jelas tanpa mengikut nafsu atau kepentingan diri sebagaimana ditonjolkan dalam situasi nabi Muhammad SAW, baginda secara khususnya berpandukan kepada petunjuk wahyu daripada Allah SWT. Penghijrahan tersebut berlaku setelah mendapat arahan daripada Allah SWT dalam surah al-Anfal: 30 dan kepimpinan baginda turut terserlah ketika memotivasikan pengikut terhadap pertolongan Allah dalam situasi kritikal di Gua Thur melalui surah at-Taubah: 40. Dapatan sirah ini menjadikan kepimpinan berasaskan tauhid memiliki keunikan dan kehebatan yang menarik untuk dikaji kerana keunikan kepimpinan berasaskan tauhid, lengkap, tidak mengelirukan dan mencakupi elemen utama kemanusiaan iaitu wujudnya hubungan antara Pencipta iaitu Allah dan yang dicipta iaitu manusia dikenali sebagai *habluminallah* serta hubungan manusia dengan manusia dikenali sebagai (*habluminnas*).

Pendekatan paradigma tauhid mengemukakan satu bentuk falsafah atau tujuan yang jelas iaitu melakukan perkara atau perbuatan semata-mata untuk pencipta iaitu Allah SWT (Ismail dan Sarif, 2011), memahami status dan peranan sebagai hamba kepada Allah SWT serta tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah (Samsudin, 2013). Manakala konsep hubungan dengan Allah SWT (*habluminallah*) bukanlah terhad pada ibadah wajib semata-mata (Hamed, 1999) bahkan merangkumi setiap pekerjaan yang dibuat bertujuan mendapatkan keberkatan dan keredhaan dari Allah SWT seperti melalui pengamalan nilai-nilai seperti kebaikan dan jujur dalam berusaha (Utz, 2011). Hubungan manusia dengan manusia pula (*habluminnas*) dapat dilihat dalam surah al-Baqarah ayat 30 berkaitan peranan manusia sebagai khalifah Allah di atas muka bumi dan menurut Al-Qurtubi bersama para ulama lain menyebutkan bahawa pelantikan

khalifah adalah penting untuk memastikan kestabilan politik dan ekonomi dalam sempadan Syariah Islam (Ibn Kathir, 2003).

Berdasarkan kerangka teori dalam ilmu tauhid mendapati *maudhu'* (fasal) utama perbincangan terbahagi kepada tiga iaitu berkaitan *uluhiyyah* (ketuhanan), *nubuwwah* (kenabian) dan *sam'iyyat* (membincangkan perkara-perkara ghaib melalui sumber wahyu) telah digunakan secara meluas dalam dunia penulisan atau perbincangan dikalangan sarjana Islam. Namun begitu, Ahmad Tirmizi Taha dan Hasanuldin Mohamad (2003) didalam kitab terjemahan mereka menemui penulisan dan karya terdahulu seperti kitab *Ummul Barahin* oleh Imam as-Sanusi dan *Jauharah Tauhid* oleh Imam al-Laqqani memberikan tumpuan banyak terhadap bab *uluhiyyah* (ketuhanan) tetapi kurang kajian atau perbincangan dilakukan terhadap sifat wajib bagi rasul atau dikenali sebagai *nubuwwah* iaitu bab kenabian.




Rajah 1: *Maudhu'* (Topik) perbincangan dalam disiplin ilmu tauhid al-Baijuri (2002)

Oleh itu penulisan artikel ini akan memfokuskan kepada satu skop perbincangan yang berasaskan metod tauhid melalui *maudhu' nubuwwah*. Pemilihan ini dicadangkan berdasarkan perbincangan dalam ilmu tauhid yang dibuat oleh as-Sanusi dalam manuskrip *Ummul Barahin* dan al-Laqqani dalam mansukrip *Jauharah Tauhid* iaitu *maudhu'* (topik) yang lebih hampir kepada topik kepimpinan adalah pada bab *nubuwwah* dan tinjauan lanjut melalui perbincangan oleh as-Sanusi dan al-Laqqani turut menemui terma *Uswatun Hasanah* yang sangat wajar diberikan perhatian khusus sebagai tema kepimpinan Islam. Tema *Uswatun Hasanah* yang ditemui dalam perbincangan tauhid oleh as-Sanussi dan al-Laqqani sebenarnya turut dikuatkan melalui penegasan oleh Choudhury (1993) dan Watt (1961) bahawa Nabi Muhammad bukan hanya seorang pemimpin spiritual yang berkesan bahkan ketua negara (*stateman*) dan pentadbir (*administrator*) yang berjaya serta memiliki tiga kualiti hebat iaitu mampu melihat jauh ke masa hadapan, kebijaksanaan sebagai ketua negara (*stateman*) dan kemahiran sebagai pentadbir dan kebijaksanaan dalam memilih dan pengorganisasian kerja-kerja pentadbiran.

### **USWATUN HASANAH**

Pembentukan kepimpinan Islam yang melalui pelbagai tema kerap dibincangkan dan penulis berpandangan konsep *Uswatun Hasanah* adalah kunci kepada kepimpinan Islam yang sewajarnya diberikan perhatian. Ini kerana pembentukkan kepimpinan Islam mengemukakan kekuatan yang mengimbangi hakikat sebenar kepimpinan yang mempunyai roh melalui paradigma tauhid dan kepimpinan praktikal perlu melalui pendekatan *Uswatun Hasanah* (contoh teladan terbaik).



Rajah 2: Konsep kepimpinan Islam yang dicadangkan oleh penulis berdasarkan pendekatan *Maudhu' Nubuwwah* dalam Kitab *Jauharah Tauhid, al-Baijuri (2002)*

*Uswatun Hasanah* berasal dari dua perkataan iaitu *uswah* yang bermaksud teladan dan *hasanah* yang berasal dari kata *hasuna, yahsunu, husnan wa hasanatan*, yang bermaksud sesuatu yang baik, pantas dan kebaikan. *Hasanah* membawa maksud segala sesuatu kebaikan atau kenikmatan yang diperoleh manusia bagi jiwa, fizikal dan turut melibatkan keadaan perasaan. Menurut Kamus Dewan *uswah* bermaksud teladan, contoh (ikutan) manakala *hasanah* pula didefinisikan sebagai teladan yg baik (Dewan, 2005). Ulama' *mufassirin* dan *muhaddithin* mengambil pelbagai pendekatan dalam mengemukakan maksud al-Qur'an dan al-Hadith melalui aspek *Bayani, 'Aqli, Ijtima'i* dan lain-lain supaya fakta dan manfaat bagi merungkaikan persoalan kehidupan dapat diamalkan seperti panduan memimpin melalui konsep teladan yang baik. Konsep teladan yang baik dinyatakan dalam al-Quran melalui terma *uswah* atau *qudwah* (contoh ikutan) yang baik di dalam segenap aspek kehidupan yang ideal, sempurna dan diredhai Allah SWT (Yasin, 1982).

Terma teladan dalam al-Quran disebut dengan istilah "uswah" dan "Iswah" atau dengan kata "al-qudwah" dan "al qidwah" yang bermaksud suatu keadaan ketika seseorang manusia mengikuti manusia lain dalam bentuk kebaikan atau sebaliknya. Keteladanan memberi maksud hal-hal atau sesuatu yang ditiru atau dicontoh oleh seseorang daripada orang lain. Dalam penulisan artikel ini keteladanan yang dimaksudkan adalah sebagai alat pendidikan Islam iaitu keteladanan yang baik yang bersesuaian dengan maksud "*Uswatun Hasanah*". Menurut Abi Ja'far Muhammad bin Jarir At Thabari berkenaan kalimah أوسة dalam kitab Tasir At Thabari, para *Qurra* (ulama yang ahli dalam bidang bacaan al-Quran) Mesir selain Imam A'shim bin Abi Nujud, membaca أوسة dengan kasrah huruf *alif* manakala Imam Ashim membaca kalimah أوسة dengan mendhommahkan huruf *alif*.

Dalam al-Quran terdapat tiga tempat menyebutkan terma *Uswatun Hasanah* secara langsung iaitu dalam surah *al-Mumtahanah* ayat 4, 6 dan surah *al-Ahzab* ayat 21. Pertama konsep *Uswatun Hasanah* ditemui dalam firman Allah SWT:

"*Sesungguhnya adalah bagi kamu pada bawaan Nabi Ibrahim (a.s) dan pengikut-pengikutnya - contoh ikutan yang baik*".

(*Al-Mumtahanah* 60:4)

Kedua konsep *Uswatun Hasanah* ditemui dalam firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 6 iaitu:

*“Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada bawaan Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap keredaan Allah dan (balasan baik) hari akhirat. Dan sesiapa yang berpaling daripada mencontohi mereka, (maka padahnya akan menimpa dirinya sendiri), kerana sesungguhnya Allah Dia lah Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.”*

(Al-Mumtahanah 60:6)

Menurut Ibnu Katsir, Allah SWT berfirman kepada orang-orang yang beriman yang bermusuhan dengan orang-orang kafir untuk melepaskan diri dari mereka. Ini menunjukkan realiti sebenar kepimpinan dalam Islam iaitu kepandaian membezakan di antara hal yang positif dan sebaliknya. Pemimpin yang dapat membezakan hal yang positif dan negatif dalam memimpin perlu mampu menjarakkan diri dan tidak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang tidak selari dengan matlamat kepimpinan yang ditetapkan. Kemampuan menjarakkan diri dan memilih keputusan yang menguntungkan inilah yang dimaksudkan dalam amksud firman Allah SWT “sesungguhnya telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersamanya,” dan dalam situasi “pengikut” bermaksud para pengikut beliau yang beriman (kepada Allah)”. Menurut Bakry (1986), kualiti kepimpinan jelas wujud dalam diri nabi Ibrahim AS iaitu terdapatnya sifat-sifat yang patut dijadikan suri tauladan seperti tegas, berani, tidak takut dengan risiko, selalu bertawakkal kepada Allah dan menentang hal-hal yang mensyirikkan Allah dan mengutamakan matlamat ketauhidan.

Ketiga, konsep *Uswatun Hasanah* ditemui dalam firman Allah SWT dikaitkan terhadap seorang lagi nabi yang terakhir. Keberadaan dan keistimewaan Nabi ini dinyatakan dalam teks-teks agama terbesar di dunia seperti dalam kitab Perjanjian Lama dalam *Book of Deutronomy* (Kitab Ulangan) 18:18, 18:19, dalam kitab Yesaya 29:12, Song of Solomon (Raja Agung) 5:16. Nabi terakhir yang istimewa ini juga disebutkan dalam *New Testament* (Perjanjian Baru) dalam Gospel Yohanes 14:16, 15:26, 16:7, 16:12-14. Nabi yang terakhir yang dimaksudkan memiliki keunggulan dan model terbaik adalah Muhammad Rasulullah SAW dinyatakan dalam firman Allah SWT melalui ayat 21 surah al-Ahzab iaitu

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”*.

Perkataan *Uswah* juga bermaksud sebagai suri teladan yang baik dan ditafsirkan sebagai suri teladan yang baik meliputi pelbagai urusan (Makhluf, 1994) merangkumi ucapan, perbuatan, dan semua hal keadaan yang dicontohkan oleh baginda. Ibn Katsir menjelaskan ayat 21 surah al-Ahzab menerangkan, Rasulullah SAW adalah dianjurkan untuk dicontohi terutama ketika mengharap pertolongan dari Allah SWT sebagai aspek penting penyelesaian masalah dan ini terbukti melalui catatan sejarah dalam Perang Ahzab ketika berhadapan dalam situasi yang memerlukan kesabaran, keteguhan hati, bersiap sedia dan komitmen dalam perjuangan dan dalam masa yang sama mengharap rahmat bantuan daripada Allah SWT.

Selanjutnya Ibn Katsir turut menyatakan bahawa melalui ayat 21 surah al-Ahzab, Allah SWT berfirman kepada orang-orang yang merasa bimbang, gelisah, dan rasa bergoncang hati perasaan dalam menghadapi urusan mereka untuk mencontohi nabi Muhammad SAW. Ini kerana Allah telah menjanjikan pertolongan dan kemenangan di saat menghadapi situasi yang sukar dan ujian daripada Allah SWT (ar-Rifa'i, 1989).



Menurut al-Qurthubi (2006), ayat 21 dalam surah al-Ahzab juga adalah suatu peringatan Allah terhadap *al-mukhtalifin* iaitu mereka yang tidak mahu berperang bersama Rasulullah SAW ketika Rasulullah sendiri memberikan contoh yang jelas iaitu baginda sendiri keluar berjuang membela agama Allah dalam perang Khandaq. Persamaan situasi konflik di antara nabi Ibrahim dan situasi konflik yang dialami oleh nabi Muhammad SAW menjelaskan perlunya pemimpin menunjukkan usaha menjarakkan diri dengan berani terhadap golongan yang menentang matlamat kepimpinan yang sah dan benar. Imam Sulaiman bin Umar turut menyatakan contoh teladan dalam diri Nabi yang sangat jelas ketika baginda menggunakan kudratnya bagi menolong agama Allah dalam peperangan Khandak sehinggakan wajah dan gigi hadapan baginda mengalami kecederaan. Situasi sukar dalam peperangan tersebut turut menyaksikan bapa saudara baginda iaitu Saidina Hamzah RA terbunuh dan episod kelaparan ketika menggali parit pertahanan bersama-sama para sahabat menyaksikan direkodkan sebagai insan yang tetap sabar dan bersyukur serta konsisten dalam mengharap pertolongan dari Allah SWT.

Rasulullah turut menunjukkan suri tauladan yang terbaik melalui ketetapan dan kecekalan hati ketika berhadapan dengan cubaan dan situasi yang kritikal serta mempamerkan nilai-nilai ketauhidan melalui pengharapan akan rahmat Allah, keyakinan hari kiamat dan berterusan menyebut dan mengingati Allah (al-Qasimy, 1914). Ibn 'Ashur (2000) dalam menafsirkan ayat 21 surah al-Ahzab menjelaskan bahawa ikutan yang baik ini membawa maksud seseorang mengikut apa yang dilakukan oleh seseorang dengan cara mengamalkan apa sahaja amalan seperti yang diamalkan oleh orang yang diikutinya dan baginda Rasulullah SAW menunjukkan contoh terbaik termasuklah dalam memberi khidmat kepada ahli keluarga dalam bentuk kehidupan harian (al-Kharraj, 2009).


Walaupun banyak pihak mengkaji pelbagai konsep kepimpinan dari perspektif Islam, kajian dan penyelidikan bersumberkan al-Quran penting dan perlu menjadi titik tolak utama pembangunan sesuatu konsep kerana al-Quran adalah sumber segala ilmu yang perlu dikaji dan menjadi panduan kepada umat manusia (Salleh, 2010). Berhubung dengan kepimpinan, jelas diberikan penekanan dan perhatian dalam al-Quran seperti dalam surah al-Fathir ayat 39, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi. Barangsiapa yang kafir, maka (akibat) kekafirannya menimpa dirinya sendiri. Dan kekafiran orang-orang yang kafir itu tidak lain hanyalah akan menambah kemurkaan pada sisi Tuhannya dan kekafiran orang-orang yang kafir itu tidak lain hanyalah akan menambah kerugian mereka belaka.”*

Kepimpinan menurut perspektif Islam bukan hanya melalui sangkaan atau dogma kosong tetapi melalui sumber rujukan *naqli* iaitu ilmu pengetahuan yang kukuh diintegrasikan bersama dengan kefahaman *Aqli*. Kepentingan ilmu *naqli* adalah melengkapkan manusia dengan pendekatan kerohanian dan ilmu *aqli* pula memberi ruang bagi mencapai kejayaan yang berorientasikan keduniaan yang seimbang (Sulaiman, 2016). Dalam skop kepimpinan pengklasifikasian *naqli* dan *aqli* dapat dilihat dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 30 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*

Fakta ini iaitu *naqli* dan *aqli* menjadi kekuatan utama literasi kepimpinan dari perspektif Islam iaitu dikesan sejak kelahiran pertama manusia melalui nabi Adam AS. Kenabian menjadi asas utama pembinaan kerangka kepimpinan. Kerangka yang dimaksudkan ialah persoalan kepimpinan tidak bermula dari kosong tetapi mempunyai asas-asas paling kukuh yang perlu kembali diperkukuhkan apabila pendidikan kepimpinan dikemukakan sebagai modul, konsep, atau sebagai program pembangunan kepimpinan.



Rajah 3: Konsep kepimpinan Islam yang dicadangkan oleh penulis berdasarkan pendekatan *Maudhu'* *Nubuwwah* dalam Kitab *Jauharah Tauhid, al-Baijuri* (2002)

Pokok utama perbincangan kepimpinan yang mengikuti *manhaj* (metod) berdasarkan ayat al-Quran seperti dalam ayat al-Fathir 39 dan al-Baqarah 30 adalah berkaitan tauhid dan kepimpinan yang saling berhubung kait tidak terpisah. Suatu hal yang menarik turut ditemui dalam ayat 21 surah al-Ahzab iaitu berkaitan konsep *Uswatun Hasanah* yang mempunyai kaitan dengan kecenderungan para ulama seperti as-Sanusi dan Ibrahim al-Laqqani yang membuat perbincangan khusus melalui metod ilmu tauhid.

## MUTHUL AL-A'LA

Nabi-nabi terdahulu hinggalah nabi Muhammad SAW menjadi *Muthul al-A'la* (contoh utama) manakala dari sudut persejarahan nabi Muhammad SAW diletakkan sebagai insan *Uswah Hasanah* (model tauladan) dan *Qudwah Salihah* (model terbaik) kepada seluruh umat manusia (Yasin, 1982). Pernyataan Nabi Muhammad SAW sebagai insan *Uswah Hasanah* dan *Qudwah Salihah* dan menjadi konsep terbaik dalam kehidupan wujud berlandaskan fakta-fakta yang dapat difahami berdasarkan empat ciri penting seperti berikut:

Pertama	Hendaklah bersifat "historikal" dengan erti bahawa sejarah mengakui dan mengi'tiraf, mendokong dan menjadi saksi kepada kebenarannya.
Kedua	Hendaklah bersifat "menyeluruh" dan merangkumi segala peringkat kehidupan manusia, segala sudut dan segala urusan kehidupannya.
Ketiga	Hendaklah bersifat "sempurna" dengan erti sentiasa sambung-bersambung tanpa ada kekurangan atau terputus rantai-rantai kehidupannya.
Keempat	Hendaklah bersifat "amaliyah", dengan erti bahawa da'wah dan seruannya yang disampaikan dan diperjuangkan itu sama ada yang bersifat prinsip dan dasar-dasar atau bersifat akhlak dan kejiwaan ataupun yang bersifat tugas dan kewajipan, kesemua itu telah berjaya dilaksanakan dalam amalan hidupnya. Dengan lebih jelas segala yang disampaikan dengan lidah telahpun dilaksanakan dengan amalan dalam perjalanan hidupnya, sama ada dalam bentuk yang bersifat persendirian, kekeluargaan dan seterusnya kemasyarakatan, sehingga setiap geraklakunya menjadi contoh atau model utama umatnya.

Sumber: Empat Ciri-ciri Sejarah. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1982. Pengantar Falsafah Islam.

Konsep "*Uswah Hasanah*" yang berlandaskan kepada fakta sejarah yang kukuh ditemui pada *sirah* (sejarah) Nabi Muhammad SAW. Konsep ini sangat penting kerana ianya menjadi asas kepada panduan kehidupan dan dibuktikan melalui pendekatan sejarah mengatasi pengasas agama yang lain seperti di India, di Parsi dan di China ataupun yang diasaskan oleh tokoh-tokoh seperti Buddha, Zaradisht dan Konfucius yang kurang kuat untuk dipertahankan (Yasin, 1982).

Selain daripada itu sukar untuk konsep berasaskan model tauladan ini disandarkan kepada mana-mana tokoh kerana kebanyakannya tertegak berasaskan fakta dogengan, khayalan dan percanggahan fakta yang ketara (Yasin, 1982). Kejelasan sejarah *sirah* yang bersedia menerima kritik-kritik sejarah yang sebenar agak sukar ditemui bahkan diakui oleh Dr Charles Anderson di dalam Encyclopedia Britanica:

*"Memang selayaknya orang menarik diri secara sukarela dari cuba menulis sebuah buku tentang sejarah hidup Al Masih. Dengan terus terang tidak ada bahan dan maklumat-maklumat yang boleh membantu untuk mencapai tujuan ini. Masa yang boleh mendapatkan setengah maklumat-maklumat itu tidak lebih dari hanya 50 hari sahaja".* (Britannica, E., 1960)

Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, konsep *uswah hasanah* ini secara hakikatnya bukanlah konsep yang kosong tetapi ianya adalah terma panduan kehidupan mencakupi banyak bidang merangkumi skop kepimpinan yang juga menjadi tema kajian ini dilakukan. Kepimpinan teladan bukan hanya diucapkan atau menjadi slogan. Rasulullah SAW berjaya membuktikannya melalui teladan akhlak dan keperibadiannya yang tinggi dan disebabkan inilah ramai sahabat menyertai Islam dan bersama memperjuangkannya (Al-Mubarkafuri 1994; Ibn Hisham 1995). Jika hanya slogan dipraktikkan mustahil ramai musuh Islam berjaya ditundukkan Rasulullah SAW. Antaranya Abu Sufian bin Salul dan Ikramah bin Abu Jahal yang berubah menjadi Muslim sangat taat dan beriman (Ibn Kathir, 1996). Nabi Muhammad Rasulullah SAW bukan

sekadar memberikan arahan bahkan bagindalah orang pertama melakukan amalan yang diarahkan sebelum pengikut-pengikut baginda melakukannya (Fu'ad 2006). Nilai-nilai yang berkualiti tinggi yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW menarik perhatian para pengkaji dan para ulama terutama melalui disiplin ilmu tauhid dengan mengemukakan empat nilai utama iaitu *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatamah*.

Sifat wajib bagi nabi dikenali sebagai jujur (*siddiq*), amanah, penyampaian (*tabligh*) dan bijak (*fatamah*) (al-Baijuri, 2002). Sifat-sifat utama ini dicadangkan sebagai konsep kompetensi utama kepimpinan berdasarkan penelitian terhadap penulisan oleh as-Sanusi dan al-Laqqani dalam penulisan mereka yang terkenal iaitu *Ummul Brahin* dan *Jauharah Tauhid* yang mengemukakan sifat-sifat ini melalui *maudhu' nubuwwah* dan berdalilkan terma *Uswatun Hasanah*.

### **SIDDIQ**

Perkataan *siddiq* boleh didefinisikan sebagai bermaksud benar, jujur, dapat dipercayai dan sesuai apa yang dikatakan dengan apa yang diamalkan dan lawan bagi kalimah *siddiq* adalah *kadzib* (dusta) (Ibn Manzur, 1990). *Siddiq* juga bermaksud jujur kepada diri sendiri, orang lain dan Tuhan (Rahman dan Shah, 2015). Sifat ini adalah sifat paling utama dan merupakan tonggak utama dan pangkal segala keperibadian, akhlak serta personaliti diri yang mulia (al-Khuli, 1982).

Rasulullah SAW menjelaskan kepentingan sifat ini dan tidak boleh diambil mudah kerana praktis sifat ini akan menuju kepada maksud yang paling tinggi sebagaimana dijelaskan dalam sebuah al-Hadith dari Abdullah ia berkata:

*"Rasulullah SAW bersabda: "Jauhilah kebohongan, sebab kebohongan cenderung kepada keburukkan, dan keburukkan akan membawa kepada neraka. Dan sungguh, jika seseorang berbohong dan terbiasa dalam kebohongan hingga di sisi Allah ia akan ditulis sebagai seorang pembohong. Dan hendaklah kalian jujur, sebab jujur membawa kepada kebaikan, dan kebaikan akan membawa kepada syurga. Dan sungguh, jika seseorang berlaku jujur dan terbiasa dalam kejujuran hingga di sisi Allah ia akan ditulis sebagai orang yang jujur."*

(Sunan Abi Daud, Bab Adab 4337)

### **AMANAH**

Menurut Dewan Edisi Keempat (2005), *amanah* atau amanat didefinisikan sebagai sesuatu yang dipercayai kepada seseorang. Al-Maraghi (1986) meletakkan *amanah* sebagai sesuatu yang harus dipelihara dan dijaga supaya sampai kepada pihak yang berhak memilikinya. *Amanah* juga bermaksud menyampaikan hak kepada pemilikinya dan tidak mengambil sesuatu melebihi haknya dan dalam masa yang sama tidak mengurangi hak orang lain (Abduh, 1999).

Kejujuran dan *amanah* merupakan salah satu sifat kepimpinan yang utama dan menjadi satu prinsip iaitu tidak mengambil kesempatan melalui pengaruh dan kuasa yang dimiliki (Kadir, Azman dan Ibrahim, 2010). Sebagai salah satu sifat utama, Rasulullah SAW mendidik para sahabat dalam satu riwayat berkenaan permintaan jawatan oleh Abu Dhar RA kepada Rasulullah SAW. Baginda menjelaskan maksud sebenar jawatan iaitu ramai pemegang jawatan atau pemikul amanah akan menyesal kecuali yang menjalankan tugasnya secara ikhlas dan jujur di hari kiamat (Ibrahim, 2000).

Rahman dan Shah (2015) menyatakan maksud amanah atau kepercayaan turut merangkumi tanggungjawab, penghormatan, proses membuat keputusan dan hasil yang optimum sebagai orientasi kesan daripada konsep amanah yang dipraktikkan.

### **TABLIGH**

Di antara sifat utama Rasulullah SAW iaitu *tabligh* ditegaskan oleh Muhammad Tolha Al-Khairi adalah suatu sifat yang menonjolkan karisma dan ketokohan baginda sebagai pemimpin agung. *Tabligh* menurut Kamus Munawwir (1984) berasal dari kata kerja *ballagha yuballighu tablighan*. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2013) *tabligh* membawa maksud penyampaian atau penyiaran ajaran Islam atau bertabligh menyiarkan ajaran Islam.

Natsir (1999) menyatakan *tabligh* membawa maksud menyampaikan dengan sempurna seperti perkataan *ballaghu mubin* yang bermaksud keterangan yang jelas sehingga dapat diterima oleh akal dan hati. Konsep yang menerangkan aktiviti penyampaian atau komunikasi ini ditemui dalam surah an-Nahl, ayat 125:

*“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”*

*Tabligh* berfungsi sebagai menyampaikan dan mengemukakan contoh kepada individu lain melalui tindakan yang benar dan baik di dalam kehidupan (Zama'syari, 2010). Keberkesanan dan keunikan gaya komunikasi dan kepemimpinan Nabi Muhammad SAW memberi kesan besar kepada penyebaran Islam keseluruh dunia (Abbas, 2009) dan (Zohery, 2004).

Kehebatan teknik penyampaian dan komunikasi melalui konsep *tabligh* dapat dilihat dalam banyak ayat al-Quran seperti melalui enam jenis konsep *qaulan* iaitu *qaulan sadida* melalui maksud firman Allah SWT: *“..Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar.”* (an-Nisa, 4: 9), *qaulan ma'rufa* melalui maksud firman Allah SWT: *“..Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.”* (an-Nisa, 4:5), *qaulan baligha* melalui maksud firman Allah SWT: *“Karena itu berpalinglah kamu dari mereka, dan berilah mereka pelajaran, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang berbekas pada jiwa mereka.”* (an-Nisa, 4: 63), *qaulan maysura* melalui maksud firman Allah SWT: *“...maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati.”* (al-Isra`, 17: 28), *qaulan layyina* melalui maksud firman Allah SWT: *“Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut”.* (Thaha, 20: 44) dan *qaulan karima* melalui maksud firman Allah SWT: *“...dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”* (al-Isra`, 17:23).

### **FATANAH**

*Fatanah*, adalah sifat yang dapat memahami hakikat segala sesuatu yang bersumber pada nurani, bimbingan dan hikmah yang diberikan Allah serta meletakkan individu bersikap bijaksana dalam melakukan perubahan. Baiquni (1996) memberikan definisi *fatana* sebagai bijaksana dalam pelbagai hal, sikap, perkataan dan perbuatan. Menurut Dewan bahasa dan Pustaka (2013), *fatana* bermaksud bijaksana manakala Ibn Abidin (2011) menjelaskan *fatana* sebagai pengetahuan iaitu maklumat yang dikumpulkan

dari al-Quran dan Sunnah serta diamalkan oleh masyarakat merangkumi tiga kategori pengetahuan iaitu fardu ain, fardhu kifayah dan maklumat yang berkaitan dengan masa depan.

*Fatanah* melibatkan kecerdasan, kemahiran dan penguasaan bidang tertentu melalui kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual (Tasmara, 2001). Konsep *fatana* adalah salah satu faktor penting dan kareakteristik yang perlu ada bagi seseorang pemimpin Rashid dan Mamat (2013).

## KESIMPULAN

Kepimpinan terbaik menurut Afzalur Rahman (1980) adalah sesuatu yang mampu ditonjolkan dari sudut kepimpinan di peringkat organisasi atau individu, mewujudkan budaya ketaatan, pengiktirafan daripada umat Islam mahupun mereka yang bukan Islam dan kriteria-kriteria inilah juga merupakan bukti kepada kehebatan *al-Qiyadah* (kepimpinan) Rasulullah SAW (Yasin dan Jalal, 2014). Kepimpinan melalui pegangan terhadap konsep *Uswatun Hasanah* bermaksud mengikut model kepimpinan terbaik. Maksud terbaik yang pertama ialah konsep ini bukan hanya satu terma *Uswatun Hasanah* tetapi penggunaan konsep *Uswatun Hasanah* telah diuji (*tested*) dan terbukti (*proven*) melalui sumber al-Quran, al-Hadith, sejarah dan perakuan pelbagai pihak. Menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model ikutan dalam memimpin adalah jawapan bagi skop perbincangan meniru atau mengambil contoh pemimpin yang bersifat ideal dan praktikal.

Perkara ini dijelaskan dalam al-Quran kerana al-Quran memahami fitrah manusia yang berkehendakkan sesuatu yang terbaik dan juga memahami fitrah manusia yang terkadang salah meletakkan prioriti apa yang dimaksudkan yang terbaik. Asas konsep kepimpinan *Uswatun Hasanah* adalah kepercayaan yang benar dan sahih seseorang pemimpin melalui penghayatan paradigma tauhid dalam memimpin. Selanjutnya, panduan sunnah Rasulullah SAW dalam kepimpinan dan menjadikan kata kunci *Uswatun Hasanah* (contoh terbaik) sebagai pemusatan kefahaman diri (*self*) pemimpin akan menjayakan kepimpinan terhadap diri (*self*) sendiri, pengikut (*followers*) dan dalam melaksanakan sesuatu tugas (*tasks*) melahirkan model kepimpinan yang praktikal bukan hanya teori yang kosong. Untuk mengoperasikan kepimpinan *Uswatun Hasanah*, komponen ketiga yang penting diperlukan. Kompetensi utama kepimpinan Islam iaitu *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatana* diperlukan bagi melengkapkan kepimpinan yang sebelum ini terlalu dkecilkan skopnya dan bagi membangunkan pengisian program untuk generasi baru kepimpinan (*developing young leaders*) secara lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Abbas, A. (2009). Islamic perspective on leadership: A model. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(2), 160-180.
- Ismail, A. A. (2006). Ilmu Tauhid Membentuk Peribadi Mukmin. *Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers*.
- Sulaiman, A. D. (1996). Sunan Abi Daud. Bayrut, Libanon: *al-Kutub al-Islamiyah*.
- Abidin, D. Z. (2011). 7 formulas of excellent individuals: Secrets of success and excellence in distinct individuals of all time. *Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd*.
- Al Qasimy, M.J (1914). Tafsir Al Qasimy al Musamma Mahasinu al Takwiil, juz 13, (*Bairut: Dar al Fikr*)
- Rifa'i, M. N. A. (1989). *Taisiru al Aliyyul Qadir li Ikhtishari Tafsir Ibnu Katsir III*.
- Baiquni, N. A., Syawagi, I. A., & Aziz, R. A. (1996). *Kamus istilah agama Islam: lengkap*. Indah.
- Shafie, A.B. (2012). *Memartabatkan Sains melalui pemodenan Universiti al-Azhar: Iktibar daripada cubaan al-Syakh Muhammad Abduh di abad ke-20*. Dlm. Azrina Sobrina (pnyt.). *Membina Kekuatan Sains di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Tirmizi Taha dan Hasanuldin Mohamad. (2003). *Huraian Jauharah Tauhid. Bahagian Ketuhanan Jilid 1*. PMRAM. Egypt
- Ahmad, F. A. (2013). *Konsep pengurusan institusi pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed, I. (2014). A Review of Islamic Leadership. *Journal of Commerce* (22206043), 6(3).
- Al-Baijuri (2002), *Tuhfatul Murid 'Ala Jauharah al-Tauhid*, Kaherah: Dar al-Salam
- Ali, A. J. (2009). Islamic perspectives on leadership: a model. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(2), 160-180.
- Al-Kharraj, Khalid Juma'at. (2009). Mawsu'at al-Akhlak. *Al-Quwait: Maktabah Ahli al-Athar li al-Nasr wa al-Tawzi'*.
- Al-Khuli, M. A. A. (1982). *Al adab an nabawi*. Dār Al Ma'rifa.
- Abduh, M. (1999) *Tafsir al-Manar*, Jilid 5 Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- Al-Khairi, A. M. T. (2009). *Teladan Sepanjang Zaman Peribadi Nabi Anugerah Suci* (Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd), 53-54

- Al-Maraghi, M. M. (1986). *Terjemah Tafsir Al-Maraghi*. Pustaka Al-Azhar, Kuala Lumpur.
- Al-Moharby, D., & Neal, M. (2013). Clarifying Islamic perspectives on leadership. *Education, Business and Society: Contemporary Middle Eastern Issues*, 6(3/4), 148-161.
- Al-Mubarakfuri, S. A. R. (2000). al-Rahiq al-Makhtum. *Iskandariyyah: Dar Ibn Khaldun*.
- Al-Thabari, I. J. (2005). Tafsir Jami'al Bayan fi ta'wil al-Qur'an. *Mauqiu Majma'al Muluk: dalam Software Maktabah Samilah*.
- Bakry, H.O. (1986). *Tafsir Rahmat*, Jakarta : Mutiara.
- Basmeih, A. (2001). Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian Al-Quran. *Kuala Lumpur: Darul Fikir*.
- Beekun, R. I. (2012). Character centered leadership: Muhammad (p) as an ethical role model for CEOs. *Journal of Management Development*, 31(10), 1003-1020.
- Charles, A. (1960). *Encyclopedia Britannica*, 14th ed., jil13, m.s 171
- Choudhury, G. 1993. *The Prophet Muhammad: His Life and Eternal Message*. Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn Bhd.
- Dewan, K. (2005). Edisi keempat. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Dictionary, O. E. (1989). *Oxford english dictionary*. Simpson, JA & Weiner, ESC.
- Esposito, J. L. (2003). *The oxford dictionary of Islam*. Oxford University Press.
- Fu'ad Asy Syalhub. (2006). *Guruku Muhammad*. Terj. Nashirul Haq. Lc. Jakarta: Gema Insani.
- Forecast, G. L. (2018). Insights to Fuel Your People Strategy. *In Development Dimensions International, Inc., The Conference Board Inc., EYGM Limited*.
- Giles, S. (2016). The most important leadership competencies, according to leaders around the world. *Harvard Business Review*.
- Hamed, A. B. (1999). Motivasi dalam pekerjaan. In Zin, R. M. (Ed.), *Pengurusan organisasi kerja* (2nd ed.) (66-85). *Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia*.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Al-Tahir. 2000. Al-Tahrir wa al-Tanwir al-Ma 'ruf bi Tafsir Ibn 'Ashur. *Beirut: Mu'assasah al-Tarikh al-'Arabi*.
- Ibn Hisham (1995). *Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham*. (Tahqiq cala Mustafa Saqa, Ibrahim al- Abyari dan Abd al-Hafiz Syalbi) Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Ibn Kathir, I. (2003). *Tafsir Ibn Kathir (Abridged)* (2nd ed.). *Riyadh: Darussalam*
- Ibn Manzur, M. (1990). *Lisan al-'arab. Misyir: el-Matbaatu'l-Amiriyye*.
- Ibrahim `Ali (2000). "Matan Sahih Muslim", *Kitab al-Imarah*.



Ibrahim, M.T (1999) *Konsep tauhid dan sifat-sifat Allah menurut Ibn Qayyim Al-Jawziyyah / Mohd. Takiyuddin Ibrahim*. Masters thesis, University of Malaya.

Imam Sulaiaman bin Umar Al Ajjay asy Syafi'y Asy Syahir bil Jamal, *Al Futuuhaat al Ilahiyyah Bi Taudhihi Tafsiri Al Jalalain Lidaqaaiqk alKhafiyah*, juz 7, (Bairut: Dar Al Kitab al -Ilmiyah, 1204 H).

Ismail, Y. & Sarif, S.M. (2011). The Role of Tawhidic Paradigm in the Transformation of Management System. In Zulkepli Abd Ghani, Musa Abu Hassan, Mohd Rusdhan Mohd Jailani, and Khatijah Othman, *Prosiding Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011 (Proceedings of the National Seminar on Islamic Management Systems Transformation (Trans-SPI)(pp.127-147)(ISBN: 978-967-5295-91-1)*, organized by Islamic Science University Malaysia (USIM), PWTC, Kuala Lumpur, 1-2 October.

Kadir, M. B. A., Azman, N., & Ibrahim, M. S. (2010). Pengaruh Integriti Kepemimpinan terhadap Pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi MARA [Influence of Leadership Integrity in Implementation of Total Quality Management in MARA Higher Education Institutions]. *Akademika*, 78, 67-75.

Kathir, I., & Hafiz, I. A. D. (1966). *al-Bidayah wa al-Nihayah. Riyadh: Maktabat al-Nasr*.

Khaliq Ahmad and Ogunsola O.K, "An Empirical Assessment of Islamic Leadership Principles", *International Journal of Commerce and Management Jil. 21 No. 3 (2011)*.

Kouzes, J.M. & Posner, B.Z. (2007). *The leadership challenge* (ed. Ke-4). San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.

Makhluif, H. M. (1994). *Tafsir wa Bayan Kalimat Al-Quran. Damaskus-Beirut: Darul Fajr Al-Islami*.

Marbun, D. S. (2013). Attributions and requirements of Islamic leadership. *Management Research Review*, 36(4), 379-387.

Marlisa. (2015), *The Characteristics Of Islamic Leaders And Organizational Performance In The Malaysian Takaful Industry* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr al-Qurthubi, *al-Jami' li Ah}kam al-Qur'an Juz 13* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2006), 143.

Munawwir, A. W. (1984). *Kamus al-Munawwir*, Yogyakarta: PP. Al-Munawwir Krapyak.

Natsir, M. (1999). *Dakwah dan Pemikirannya*, Jakarta: Gema Insani Press.

Omar, A. C. (2014). *Pengenalan pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Omar, M., & Samah, H. A. The Basis of Leadership in Islam. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(8): 1399-1404, 2012.

Rahman, N. F. A. (2012). Pemahaman konsep tauhid asas keharmonian kepelbagaian agama. *International Journal of Islamic Thought*, 1, 34-42.

Rahman, Z. A., & Shah, I. M. (2015). Measuring Islamic spiritual intelligence. *Procedia Economics and Finance*, 31, 134-139.

Rashid, A. A., & Mamat, A. (2013). Educational view of the Islamic leadership: Are the Islamic leaders performing their responsibilities? *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(3), 178-185.

Salleh, I. (2010). *Mukjizat Al-Quran dan Fakta-fakta Saintifik*. Selangor: Al-Hidayah Publication.

Samsudin, N. H. (2018). The Application of Habluminallah and Habluminannas in the Work Motivation of the Management. *INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH IN BUSINESS AND SOCIAL SCIENCES*, 8(5).

Sergiovanni, T. J. (1992). *Moral leadership: Getting to the heart of school improvement*. Jossey-Bass Inc., Publishers, 350 Sansome Street, San Francisco, CA 94104 (US sales). Maxwell Macmillan International Publishing Group, 866 Third Avenue, New York, NY 10022 (sales outside US).

Sulaiman, A., Jamsari, M. E. A., & Talib, N. M. (2016). Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 38(2)

Tasmara, T. (2001). *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insan. Toto Tasmara, *Kecerdasan Rohaniah*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2001), h. 212.

Utz, A. (2011). *Psychology from the Islamic perspective*. Riyadh: International Islamic Publishing House (IIPH).

Watt, W. M. 1961. *Muhammad: Prophet and Stateman*. London: Oxford University Press.

Yasin, R., Ghani, S. A., & Jalal, B. (2014). The Application of Prophet's Qualities of Leadership in Shaping Preacher's Identity of Today. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 6(2), 69-82.

Yasin, M. S. H. (1982). *Pengantar Falsafah Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zama'syari, M. (2010). Pengaruh Etos Kerja dan Budaya Kerja Islam terhadap Produktivitas Kerja Karyawan (Studi pada KJKS/UJKS Wilayah Kab. Pati). *Skripsi, IAIN Walisongo Semarang*.

Zohery, Ali (2004). *Thematic analysis of values in the public communication of Prophet Muhammad* (Unpublished doctoral dissertation). Howard University, United States -District of Columbia.

Zulaikhah, S. (2005) "Prototipe Kepemimpinan Nabi Muhammad SAW. Dalam Pendidikan (Sebuah Telaah Atas Sifat Wajib Rasul)". *Skripsi, IAIN Walisongo Semarang*.